

08 JUN 2002

PERTEMUAN DR MAHATHIR-POPE BERSEJARAH, KATA DR LING

SEPANG, 8 Jun (Bernama) -- President MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menganggap pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Ketua Gereja Tertinggi Katolik Pope John Paul II sebagai pertemuan bersejarah.

Beliau berkata ini memandangkan Dr Mahathir dilihat sebagai pemimpin Islam yang dihormati serta progresif dan pertemuan itu meningkatkan penghormatan antarabangsa kepada beliau.

"Pertemuan itu adalah satu peluang yang bersejarah dan Perdana Menteri yang terkenal dengan sikap kesederhanaan serta progresif telah diterima dengan baik sekali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Selangor, di sini.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Pope diadakan di Vatican City semalam dan kedua-dua pemimpin itu bertukar-tukar pendapat mengenai masalah Palestin.

Pertemuan itu diadakan sebagai memenuhi jemputan Pope sebelum Perdana Menteri melawat Switzerland dan Luxembourg.

-- BERNAMA
AT AFY NAK